

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 MAC 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

CAPAIAN : <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/943312/jumlah-penduduk-miskin-tegar-mengurang>

Jumlah penduduk miskin tegar mengurang



Kuala Lumpur: Jumlah penduduk miskin tegar dan miskin di Kuala Lumpur dilihat mengalami pengurangan tahun lalu berbanding tahun sebelumnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, terdapat 2,173 miskin tegar di Kuala Lumpur pada 2022 berbanding 3,858 pada 2021.

Katanya, bagi miskin, turut mengalami pengurangan di mana 3,874 penduduk tahun lalu berbanding 4,545 tahun 2021.

"Kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai program sejak sekian lama bagi mengatasi masalah kemiskinan bandar raya ini dan telah menerapkan konsep Malaysia Madani dalam pelaksanaannya.

"Justeru, inisiatif-inisiatif kemiskinan bandar yang direncana tidak terhad kepada peningkatan pendapatan semata-mata tetapi wajar juga membabitkan kesejahteraan dari segi kesihatan, pendidikan, perumahan dan taraf kehidupan," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Datuk Seri Johari Abdul Ghani (BN-Titiwangsa) yang bertanyakan berapa jumlah penduduk miskin dan miskin tegar di Kuala Lumpur bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022 serta perancangan kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan bandar raya ini.

Azalina berkata, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) sudah melaksanakan pelbagai program bagi membantu warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) antaranya seperti Jualan Rakyat MYGrocer@Wilayah, MyMedic@Wilayah, MyFood@Wilayah dan MyJob@Wilayah.

"Program-program ini sangat membantu warga WPKL mendepani isu kenaikan kos sara hidup, peluasan akses kepada perkhidmatan kesihatan, menambah baik keupayaan isi rumah memperolehi hak untuk mendapatkan makanan dan meningkatkan penawaran peluang pekerjaan," katanya.

Ahli Parlimen Pengerang itu berkata, JWP bersama agensinya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Labuan (PL) sentiasa komited mencapai sifar miskin tegar sejajar sasaran negara pada 2025.

Katanya, Putrajaya berjaya mencapai sifar miskin tegar pada Julai 2022.